

**TAWARAN OPSYEN UNTUK MEMILIH SKIM KUMPULAN WANG
SIMPANAN PEKERJA SELARAS DENGAN PERUNTUKAN SEKSYEN
6A(1) PINDAAN AKTA PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA
BERKANUN DAN TEMPATAN 1980 [AKTA 239]**

Saya yang
telah dilantik ke jawatan
dalam perkhidmatan pada
..... dengan ini **bersetuju/tidak bersetuju*** memilih Skim
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA.

2. Saya sesungguhnya faham bahawa oleh kerana saya tidak memilih Skim
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA, maka saya dengan sendirinya
tertakluk di bawah Skim Pencen mengikut Akta 239¹.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

(Tandatangan)

Disaksikan oleh :

(Tandatangan)

Nama :

No.K.Pengenalan (baru) :

Jawatan :

Tarikh :

*Potong mana yang tidak berkenaan.

¹ Perenggan ini hendaklah dipotong keseluruhannya jika pegawai bersetuju memilih Skim KWSP

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

BIL	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	GRED
1	Bakat dan Seni	B
2	Sains	C
3	Pendidikan	DS, DV
4	Sistem Maklumat	F
5	Pertanian	G
6	Kemahiran	H
7	Kejuruteraan	J
8	Keselamatan dan Pertahanan Awam	KP
9	Perundangan dan Kehakiman	L
10	Pentadbiran dan Sokongan	N
11	Penyelidikan dan Pembangunan	Q
12	Sosial	S
13	Perubatan dan Kesihatan	U
14	Kewangan	W

PERBANDINGAN SKIM PENCEN DAN SKIM KWSP

PERKARA	SKIM PENCEN	SKIM KWSP
Konsep	Kerajaan menyediakan faedah persaraan kepada pegawai yang layak tertakluk kepada syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.	Persaraan berdasarkan simpanan hasil caruman pekerja dan majikan ke dalam akaun KWSP.
Caruman Pekerja	Tiada caruman KWSP dipotong daripada gaji.	Caruman pekerja sebanyak 11% daripada gaji bulanan (bagi pekerja warganegara berumur bawah 60 tahun, tertakluk kepada kadar caruman KWSP yang berkuat kuasa).
Caruman Majikan	Tiada caruman ke akaun KWSP.	Caruman majikan sebanyak 13% (gaji RM5,000 dan ke bawah) atau 12% (gaji melebihi RM5,000) bagi pekerja berumur di bawah 60 tahun, tertakluk kepada kadar caruman KWSP yang berkuat kuasa.
Pemberian Taraf Berpencen	Pegawai yang memilih Skim Pencen boleh dipertimbangkan untuk diberikan Taraf Berpencen tertakluk kepada syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.	Tidak berkenaan.
Faedah Persaraan	a. Ganjaran Persaraan (sekaligus) pada kadar 7.5% × tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira (bulan) × gaji bulanan terakhir. b. Pencen bulanan pada kadar 1/600 × tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira (bulan) × gaji bulanan terakhir, tertakluk kepada had maksimum 3/5 daripada gaji bulanan terakhir. c. Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) pada kadar 1/30 × jumlah hari GCR (terhad kepada 180 hari) × emolumen terakhir (gaji dan imbuhan tetap bulanan). d. Kemudahan rawatan dan perubatan kepada pesara serta tanggungan yang layak, tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.	a. Jumlah caruman pekerja dan caruman Kerajaan (majikan), berserta dividen, yang boleh dikeluarkan mengikut syarat dan kaedah pengeluaran KWSP. b. Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) pada kadar 1/30 × jumlah hari GCR (terhad kepada 180 hari) × emolumen terakhir (gaji dan imbuhan tetap bulanan).

Faedah Kepada Waris	Sekiranya pegawai meninggal dunia, waris yang layak boleh dipertimbangkan untuk menerima faedah terbitan mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.	Simpanan KWSP akan dibayar kepada penama atau waris mengikut peraturan KWSP yang berkuat kuasa.
Dividen	Tiada.	Layak menerima dividen tahunan KWSP.
Pengeluaran Sebelum Persaraan	Tiada.	Boleh membuat pengeluaran mengikut syarat dan kaedah yang ditetapkan oleh KWSP.
Risiko Selepas Bersara	Mempunyai pendapatan bulanan yang berterusan selepas bersara, tertakluk kepada syarat kelayakan.	Pendapatan selepas bersara bergantung kepada jumlah simpanan serta pengurusan kewangan pencarum.
Letak Jawatan Atau Dibuang Kerja	Tidak layak menerima faedah persaraan. Walau bagaimanapun, caruman Kerajaan dan caruman pekerja kepada KWSP yang telah dikreditkan sebelum memperoleh Taraf Berpencen, berserta dividen, kekal di dalam akaun KWSP dan tertakluk kepada syarat pengeluaran KWSP.	Semua caruman pekerja, caruman majikan dan dividen kekal menjadi hak pencarum dan tertakluk kepada peraturan pengeluaran KWSP.